

JABATAN KORPORAT

TARIKH:03.01.2024 MASA:03.00pm

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH *PAM - MBSP*
ARCHITECTURAL DESIGN IDEAS COMPETITION
FOR PASAR AWAM BUKIT MERTAJAM

TARIKH / MASA / TEMPAT

04 JANUARI 2024 (KHAMIS)

10:45 PAGI

**DEWAN KENANGA
MENARA BANDARAYA
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, kita dapat berkumpul pada hari ini untuk meraikan pemenang-pemenang Reka Bentuk Pasar Awam Bukit Mertajam di Dewan Kenanga, Menara Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kesudian Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, hadir ke majlis ini dan seterusnya menyampaikan ucapan perasmian. Sesungguhnya kehadiran Yang Berhormat amat bermakna kerana ini menzahirkan komitmen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam usaha memperkasakan peranan dan sumbangan Pihak Berkuasa Tempatan kepada rakyat.
3. Saya juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Tuan H'ng Mooi Lye, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa; Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis; Yang Berusaha Tuan Setiausaha Bandaraya; Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan; Tuan TPr Mohd Ridzal Abdul Pengarah Pematuhan Teknikal dan Dasar merangkap penyelaras bagi pertandingan ini; Tuan Ar Abu Zarim Abu Bakar, Presiden Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM); para panel juri professional; Juri-Juri Awam; para peserta; tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

4. Terima kasih kepada pihak Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM) yang sudi berkerjasama dengan MBSP untuk menganjur dan mengadakan Pertandingan Rekabentuk Pasar Awam Bukit Mertajam, PAM–MBSP *Architectural Design Ideas Competition for Pasar Awam Bukit Mertajam*. Syabas dan Tahniah diucapkan.

5. Pasar Awam Bukit Mertajam yang terletak di Jalan Pasar, Bukit Mertajam, telah dibina pada sekitar tahun 1970an di atas tapak seluas 57,440 kaki persegi. Tapak pasar ini menempatkan 291 peniaga yang berlesen dengan MPSP dan di samping itu menyokong aktiviti 99 peniaga di sekitar kawasan bangunan pasar tersebut.

6. Pada 4 Februari 2014, telah berlaku kebakaran di tingkat satu bangunan pasar awam yang pada masa tersebut disewakan kepada sebuah pasaraya. Pasar Awam Bukit Mertajam ini didapati terlalu uzur dan perlu dibangunkan semula.

7. Susulan itu, pada 20 Oktober 2015, MBSP telah menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) bersama *City of Yokohama, Japan International Cooperation Agency (JICA), Yokohama City University, Universiti Sains Malaysia* dan *Yokohama-Seberang Perai Urban Development Friendship Committee* bagi menjalankan kajian rekabentuk bandar di Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah. Projek kerjasama tiga tahun ini bermula pada tahun 2016 sehingga 2018 dan melibatkan pertukaran idea serta kepakaran dari kedua-dua pihak bagi meningkatkan imej bandar Bukit Mertajam.

8. Kajian rekabentuk ini berdasarkan konsep mewujudkan "*Liveable Town Based on Local Identity*" untuk mewujudkan model perintis di dalam pembentukan semula bandar yang melibatkan komuniti, sejarah tempatan dan persekitaran semulajadi. Kajian ini juga mensasarkan bagi mengekalkan identiti bandar dan mengembalikan kerancakkan bandar Bukit Mertajam.

9. Penemuan kajian awalan dan perbincangan MBSP bersama-sama *City of Yokohama, Yokohama City University* dan Universiti Sains Malaysia telah mengenalpasti Pasar Awam Bukit Mertajam sebagai simbol kepada pembangunan awal di Bandar Bukit Mertajam terutamanya dari segi fasad dan fungsi bangunan tersebut.

10. Saya ingin merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) kerana telah meluluskan peruntukan sebanyak RM24juta kepada MBSP bagi projek pembangunan semula Pasar Awam Bukit Mertajam. Pembangunan semula pasar awam ini akan terdiri daripada lima komponen iaitu bangunan utama, tempat letak kereta termasuk yang berbumbung, lintasan pejalan kaki (*zebra crossing*) serta landskap dan infrastruktur yang lebih baik dan lebih selesa kepada masyarakat setempat. Selain itu, pembangunan semula bangunan semula bangunan ini akan melibatkan bangunan dengan reka bentuk universal atau *universal design*, menyediakan gerai individu yang lebih teratur, dan ruang untuk aktiviti masyarakat setempat.

11. Semasa lawatan Yang Berhormat Tuan Nga Kor Ming pada 06 Februari 2023, beliau telah mengesyorkan agar satu pertandingan

rekabentuk Pasar Awam Bukit Mertajam diadakan dengan kerjasama Persatuan Arkitek Malaysia (PAM). Rekabentuk yang terbaik akan dijadikan sebagai panduan reka bentuk untuk pembangunan Pasar Awam Bukit Mertajam.

12. Susulan daripada itu, satu Perjanjian Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara pihak MBSP dan pihak PAM pada 04 Ogos 2023 bagi mengatur dan menyelaraskan pelaksanaan pertandingan secara “*design idea competition*”.

13. Jumlah pendaftaran yang diterima pada tarikh tutup pendaftaran penyertaan pada 25 September 2023 adalah sebanyak 95 penyertaan. Walau bagaimanapun, jumlah yang telah mengemukakan cadangan idea rekabentuk Pasar Awam Bukit Mertajam sebelum tarikh tamat pada 16 November 2023 adalah sebanyak 75 penyertaan. Pada 23 November 2023, satu sesi penjurian awal telah dilaksanakan dan menyenarai pendek 10 daripada 75 penyertaan tersebut. Sepuluh (10) senarai pendek tersebut telah layak ke peringkat kedua penjurian pada 11 Disember 2023 dalam sesi pembentangan akhir.

14. Pemarkahan pembentangan dinilai oleh Juri Profesional dan Juri Awam di mana sebanyak 90% markah adalah daripada Juri Profesional manakala sebanyak 10% adalah daripada Juri Awam. Pemenang tempat pertama hingga ketiga akan diberi peluang untuk mengemukakan cadangan kewangan dan teknikal untuk menjadi perunding bagi pelaksanaan projek. Pada hari ini, sesi penyampaian hadiah dan pengumuman pemenang akan dibuat sebentar nanti oleh Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Saya ucapkan Syabas dan Tahniah kepada pemenang-pemenang yang akan diumumkan nanti.

15. Pembangunan semula Pasar Awam ini adalah selaras dengan Wawasan Penang2030: *Theme D. Invest in built environment to improve resilience - balance development through effective spatial planning.*

16. Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada pemenang yang akan diumumkan nanti. Saya mengharapkan agar rekabentuk dan cadangan pembangunan Pasar Awam Bukit Mertajam akan menjadi contoh kepada pembangunan keseluruhan pasar awam di Malaysia sepertimana yang dihasratkan oleh Yang Berhormat Menteri.

17. Sebelum mengakhiri ucapan saya pada pagi ini, MBSP amat berterima kasih di atas sokongan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membangunkan semula Pasar Awam Bukit Mertajam. MBSP sentiasa menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan meletakkan kehendak masyarakat di hadapan bagi memakmurkan bumi Seberang Perai. MBSP akan jadikan cabaran pemangkin semangat untuk terus berjuang menjadikan “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Sekian, terima kasih.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.***